

**Fugro NV Dapat Kontrak Murphy Sabah Oil
Bernama
26 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Syarikat berpangkalan di Belanda, Fugro NV memperoleh kontrak daripada Murphy Sabah Oil Co Ltd untuk menyediakan perkhidmatan pelantar minyak dan tinjauan dasar laut.

Fugro berkata kontrak itu, untuk jangka masa tiga tahun dan opsyen tambahan setahun, mengukuhkan lagi komitmen syarikat itu untuk turut sama membangunkan sumber Malaysia dan melabur di negara ini.

"Kontrak itu juga akan mengukuhkan lagi hubungan kerja lebih sedekad dalam menyokong program penggerudian laut dalam dan pembangunan di luar pesisir Sabah dan Sarawak," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Ia berkata syarikat itu sudah pun menyediakan perkhidmatan sokongan kepada Murphy termasuk penggunaan sistem tinjauan dasar laut yang canggih untuk mendapatkan ukuran permukaan dasar yang tepat di samping permukaan pesisir pantai.

Syarikat itu juga menyediakan perkhidmatan untuk memasang sistem navigasi dan menempatkan unit penggerudian bagi kapal dan unit-unit Murphy, yang beroperasi di lautan pada kedalaman sehingga 2,000 meter.

Beroperasi dalam empat segmen - geoteknikal, kajian, perkhidmatan dasar laut dan geosains, Fugro mengumpul dan mentafsir data bumi dan kejuruteraan untuk menyokong reka bentuk, pembinaan, pemasangan, baik pulih dan penyelenggaraan prasarana luar pesisir dan di daratan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025064>